

Penciptaan Manusia & Penetapan Takdir

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمِعُ حَلْفَةً فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا نُطْفَةً، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْعَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَفْقُحُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤْمِرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكَتْبِ رِزْقِهِ، وَأَجْلِهِ، وَعَمَلِهِ، وَشَقِّيٌّ أَوْ سَعِيدٌ، فَوَالَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، فَيَدْخُلُهَا، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فَيَدْخُلُهَا

Daripada Abdul Rahman, Abdullah bin Mas'ud RadhiAllahu 'anhу berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam seorang yang as-Sadiq al-Masduq (yang jujur menyampaikan dan berita yang disampaikan adalah benar) menyampaikan kepada kami, "Sesungguhnya seorang manusia dihimpunkan kejadiannya di dalam perut ibunya selama 40 hari (dalam bentuk air mani). Kemudian menjadi seketul darah di dalamnya selama 40 hari berikutnya. Lalu menjadi segumpal daging di dalamnya selama 40 hari berikutnya. Kemudian, Allah mengutus satu malaikat untuk menghembuskan roh ke dalam dirinya dan diperintahkan (oleh Allah) menulis empat perkara iaitu rezekinya, ajalnya, amalnya dan sengsara atau bahagianya (bayi tersebut). Demi Allah yang tiada Tuhan selain Dia, sesungguhnya seorang daripada kamu yang mengerjakan amal perbuatan ahli syurga, sehingga jarak antara dirinya dan syurga hanyalah satu hasta, namun takdir yang telah tertulis mendahuluinya, sehingga dia mengerjakan amal perbuatan ahli neraka dan akhirnya dia masuk ke dalam neraka. Sesungguhnya seorang daripada kamu yang mengerjakan amal perbuatan ahli neraka, sehingga jarak antara dia dan neraka hanya satu hasta, namun takdir yang telah tertulis mendahuluinya, sehingga kemudian dia mengerjakan amal perbuatan ahli syurga dan akhirnya dia pun masuk ke dalam syurga."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2643)

Hadis ini menjelaskan secara menyeluruh mengenai keadaan manusia dari awal penciptaannya di dunia dan keadaan akhir kehidupannya dari liang lahad sehingga ke syurga atau neraka. Ianya bergantung kepada cara bagaimana seseorang itu memanfaatkan masa hidupnya melalui amalan yang tidak bertentangan dengan syariat Islam sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wata'ala*.

Penjelasan Hadis:

Proses janin di dalam Rahim

Hadis ini menunjukkan bahawa proses kejadian janin terbentuk selama 120 hari melalui tiga fasa utama. Setiap fasa berlaku dalam tempoh 40 hari. Fasa pertama selama 40 hari ialah pembentukan air mani (*nutfah*). Fasa kedua, selama 40 hari berikutnya, ialah proses perubahan *nutfah* menjadi segumpal darah ('alaqah). Manakala fasa ketiga pula, selama 40 hari terakhir, ialah perubahan segumpal darah menjadi segumpal daging (mudhghah). Setelah genap 120 hari dalam kandungan ibu, roh akan ditiupkan ke dalam janin oleh malaikat yang ditugaskan oleh Allah *Subhanahu wata'ala*. Pada ketika itu, empat perkara akan ditetapkan ke atas bayi tersebut, iaitu rezekinya, ajalnya, amal perbuatannya, serta sama ada pengakhiran hidupnya dalam keadaan baik atau buruk. Allah *Subhanahu wata'ala* juga menjelaskan proses kejadian manusia ini di dalam al-Quran di antara firman-Nya:

يَأَيُّهَا الْنَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِّنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِّنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّنْ

مُضْغَةٍ

Maksudnya: "Wahai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang hari kebangkitan (kehidupan semula pada hari kiamat), maka ketahuilah dan perhatikan tingkatan kejadian manusia! Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu daripada tanah, kemudian daripada setitis mani, kemudian daripada segumpal darah, kemudian daripada segumpal daging..."

(Surah al-Haj 22:5)

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ۚ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ۖ ثُمَّ خَلَقْنَا الْتُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عَظِيمًا فَكَسَوْنَا الْعَظِيمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا إِذَا هُوَ أَحْسَنُ

الْخَالِقِينَ ۝

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia daripada sari pati (yang berasal) daripada tanah. Kemudian, air mani itu Kami jadikan sebuku darah, lalu Kami jadikan sebuku darah itu seketul daging, dan seketul daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikannya makhluak yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.”

(Surah al-Mukminun 23:12-14)

Ibnu Abbas Radhiallahu ‘anhuma berkata: “manusia dicipta melalui 7 proses lalu beliau membaca ayat ini”. Hikmah Allah Subhanahu wata’ala menciptakan manusia secara berperingkat, dari satu proses ke satu proses, sedangkan Dia berkuasa menciptakan manusia dalam sekelip mata, adalah sebagai pengajaran kepada hamba-Nya agar tidak tergesa-gesa dalam menguruskan sesuatu urusan. Selain itu, ia turut mengajar manusia bahawa untuk mencapai kesempurnaan rohani, seseorang perlu melalui proses secara berperingkat, sebagaimana pencapaian kesempurnaan zahir juga berlaku melalui fasa-fasa yang bertahap.

Tiupan Ruh

Ulama bersepakat bahawa tiupan ruh pada janin berlaku selepas sempurna 120 hari di dalam rahim iaitu bersamaan 4 bulan. Kiraan ini termasuk dalam hujah hukum penetapan anak dalam kandungan dan kewajipan pemberian nafkah dengan pembuktian berlaku pergerakan janin yang berada dalam rahim pada usia 4 bulan (ditiupkan roh). Oleh itu, hikmah yang dapat di ambil disini ialah wanita yang kematian suaminya diberi tempoh ‘iddah selama 4 bulan 10 hari untuk memastikan suci rahimnya daripada kehamilan. Firman Allah Subhanahu wata’ala:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلْ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِيتُمْ مِّنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ۝

Maksudnya: “Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang roh. Katakanlah, “Roh itu termasuk urusan Tuhanmu. Dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit sahaja.”

(Surah al-Isra’ 17:85)

Menurut Imam an-Nawawi, ruh adalah jisim yang halus mengalir dalam badan, terikat dengannya sebagaimana air menyerap pada ranting yang hijau.

Pengharaman Menggugurkan Kandungan

Ulama bersepakat bahawa haram menggugurkan kandungan selepas ditiupkan roh pada janin. Perbuatan menggugurkan kandungan pada tempoh ini dikira sebagai satu kesalahan dan orang Islam dilarang untuk melakukannya kerana ia termasuk kategori jenayah. Pelaku wajib dikenakan *diyat* (ganti rugi) dalam kes pengguguran jika bayi lahir dalam keadaan hidup kemudian meninggal dunia. Manakala hukuman (denda) yang lebih ringan dikenakan jika ia lahir dalam keadaan sudah meninggal dunia. Adapun menggugurkan kandungan sebelum ditiupkan roh juga termasuk perkara yang haram dan ini merupakan pendapat majoriti ahli fiqh.

Pengetahuan Allah Subhanahu wata'ala

Sesungguhnya Allah *Subhanahu wata'ala* Maha Mengetahui setiap keadaan makhluknya sebelum mereka itu diciptakan sama ada dari segi keimanan, ketaatan, kekufuran, kemaksiatan, kebahagian dan kecelakaan tidak lain tidak bukan hanya dengan ilmu (pengetahuan) dan iradah (kehendak)-Nya. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada 'Ali bin Abi Thalib *Radhiyallahu 'anhu*, daripada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

"Tiada satu jiwa pun diciptakan melainkan Allah telah menetapkan tempatnya di syurga atau di neraka, dan telah ditulis juga sama ada dia akan menjadi yang celaka atau bahagia". Lalu seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah kami tidak hanya bergantung pada apa yang telah ditakdirkan untuk kami dan meninggalkan amal?" Baginda menjawab: "Sesiapa yang termasuk dari kalangan orang yang berbahagia, maka dia akan dimudahkan kepada amalan orang-orang bahagia. Dan sesiapa yang termasuk dari kalangan orang yang celaka, maka dia akan dimudahkan kepada amalan orang-orang celaka".

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 4949)

Lalu Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* membaca firman Allah:

فَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى ﴿٦﴾ وَصَدَقَ بِالْحُسْنَى

Maksudnya: “Adapun orang yang memberi (kebaikan), dan bertakwa, serta membenarkan (pahala) yang terbaik, maka Kami akan mudahkan baginya jalan menuju kemudahan (syurga).”

(Surah al-Lail 92:5-7)

Penetapan takdir oleh Allah *Subhanahu wa ta'ala* tidaklah bererti bahawa manusia tidak mempunyai ikhtiar (pilihan) dan tujuan dalam melaksanakan ketaatan kepada-Nya. Takdir yang telah ditentukan bukanlah alasan untuk meninggalkan usaha dan tanggungjawab sebagai hamba yang beriman. Allah *Subhanahu wata'ala* telah memerintahkan kepada hamba-Nya untuk beriman, berbuat taat dan meninggalkan kekufuran serta kemaksiatan. Ini menjadi dalil bahawa manusia tetap mempunyai ikhtiar dan tujuan (niat) yang mereka ingin lakukan. Jika tidak, segala perintah dan larangan Allah *Subhanahu wata'ala* tidak membawa makna apa-apa dengan adanya pemikiran tidak perlu ikhtiar dan tujuan disebabkan takdir sudah ditetapkan.

Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّيْهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَيْهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّيْهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan demi diri manusia yang menyempurnakan kejadian (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Lalu mengilhamkannya (untuk mengenal jalan) yang membawa kepada kejahatan dan yang membawanya kepada ketakwaan. Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amalan soleh). Dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat).”

(Surah asy- Shams 91: 7-10)

Berhujah Dengan Takdir (Ketetapan)

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memerintahkan hamba-hamba-Nya agar beriman dan mentaati-Nya, serta melarang mereka daripada melakukan maksiat yang boleh membawa kepada kekufuran. Oleh itu, setiap hamba Allah *Subhanahu wata'ala* ditaklifkan dengan perintah dan larangan-Nya. Adapun segala ketetapan daripada Allah terhadap makhluk-Nya tetap menjadi rahsia dan tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Dia. Maka, golongan yang melakukan maksiat dan kesesatan tidak boleh menjadikan ketetapan Allah *Subhanahu wata'ala* sebagai hujah atau alasan untuk membenarkan perbuatan mereka, sedangkan mereka tidak berusaha untuk melaksanakan ketaatan kepada-Nya.

Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad), “beramallah kamu (dengan segala yang diperintahkan). Maka Allah dan Rasul-Nya serta orang beriman akan melihat amalan kamu itu...”

(Surah at-Taubah 9:105)

Amal bergantung kepada pengakhiran

Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Sahl bin Sa'd, daripada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya amalan itu dengan pengakhiran”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6607)

Maka tidak boleh seseorang berasa selamat dengan keadaan zahir dirinya dan dia tidak boleh berputus asa melihat keadaannya sekarang. Hal ini kerana, yang menjadi ukuran adalah pada pengakhiran amalan seseorang. Semoga Allah *Subhanahu wata'ala* memberi kekuatan kepada kita untuk sentiasa teguh di jalan yang benar dan mendapat pengakhiran yang baik. Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* banyak berdoa dengan doa:

Maksudnya: “Wahai Tuhan yang membolak –balikkan hati, tetapkanlah hatiku atas agama-Mu”

(Hadis Riwayat at-Tabarani, no. 759)

Dan diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

“Sesungguhnya hati anak Adam (manusia) berada di antara dua jari dari jari-jemari (kekuasaan) Tuhan Yang Maha Pemurah (Ar-Rahman), Dia membolak-balikkan mengikut kehendak-Nya.”

JABATAN MUFTI SARAWAK

Kemudian Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda lagi:

Maksudnya: “Ya Allah, Tetapkanlah hati kami atas ketaatan kepada-Mu”


(Hadis Riwayat Muslim, no. 2654)

Ibnu Hajar al-Haitami berkata:

“Sesungguhnya pengakhiran yang buruk itu adalah disebabkan oleh kekotoran yang tersembunyi dalam hati seorang hamba yang tidak diketahui oleh manusia.”

Dan boleh jadi seseorang itu melakukan amalan ahli neraka, tetapi dalam hatinya terdapat satu sifat baik yang tersembunyi, apabila ajalnya sampai sifat itu muncul lalu dia mendapat pengakhiran yang baik.

Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat dan peringatan kepada kita untuk sentiasa berusaha dalam berbuat ketaatan kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Wajib kita beriman kepada takdir, akan tetapi jangan hanya melihat pada zahir kita terjerumus dalam maksiat terus kita menetapkan ia sebagai takdir kita sebagai ahli neraka dan tidak perlu berusaha untuk berbuat taat kepada-Nya.



جَابِرٌ مُفْتِي سَارَوْكَه
JABATAN MUFTI SARAWAK